

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kes kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk dan memandu dengan melulu dan merbahaya seperti memandu melawan arus dan sebagainya khususnya yang menyebabkan kematian dan nyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dan meminda Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 khususnya Seksyen 41(1) dan Seksyen 44 (1) bagi memastikan hukuman yang lebih adil dan lebih berat dikenakan kepada pemandu mabuk dan pemandu cuai yang menyebabkan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jumlah kes kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk, melulu dan merbahaya yang menyebabkan kematian adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	KES PEMANDUAN MABUK		JUMLAH
		KEMALANGAN	BUKAN KEMALANGAN	
1	2019	62	1,746	1,808
2	2020	176	3,548	3,724
3	2021 (JAN-OKT)	101	2,055	2,156
JUMLAH		339	7,349	7,688

2. Kementerian Pengangkutan telah pun menguatkuasakan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan (1987) mulai 23 Oktober 2020. Sejak berkuatkuasanya pindaan Akta tersebut, hukuman yang lebih berat telah diperuntukkan termasuk meningkatkan kadar denda, tempoh penjara dan menjadikan hukuman penjara sebagai mandatori bagi jenis-jenis kesalahan tertentu termasuk kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol atau dadah. Pindaan hukuman ini bertujuan menjadi satu bentuk *deterrence* dan memupuk kesedaran kepada orang ramai ke atas pematuhan undang-undang.

3. Kementerian Pengangkutan telah meminta pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) untuk melaksanakan satu kajian keberkesanaan ke atas semua langkah intervensi yang dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian Pengangkutan, tetapi oleh semua pihak pemegang taruh yang lain, bagi menangani isu memandu di bawah pengaruh bahan terlarang, memandangkan pindaan RUU 333 tersebut telah dikuatkuasakan hampir setahun. Di samping itu, kajian ini juga akan mengesyorkan lain-lain langkah intervensi dan kaedah yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu pemandu mabuk ini di masa hadapan.

4. Memandangkan penguatkuasaan Akta ini baru sahaja bermula dalam tempoh setahun yang lepas, pihak Kementerian tidak bercadang untuk meminda perkara-perkara yang dibangkitkan ini dalam masa yang terdekat. Fokus pihak Kementerian Pengangkutan pada masa ini adalah untuk menjalankan kajian keberkesanan terhadap pindaan yang telah dilaksanakan serta meningkatkan advokasi dan keberkesanan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB DR. MICHEAL TEO YU KENG (MIRI)

SOALAN

DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah yang berlaku di Miri bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kegiatan jenayah di Miri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod PRDM, statistik jenayah yang dilaporkan di Miri bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah berjumlah 3,000 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,552 kes melibatkan jenayah hartabenda dan baki sebanyak 448 kes melibatkan jenayah kekerasan. Jumlah jenayah harta benda dan kekerasan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah masing-masing berjumlah 979 kes, 970 kes dan 1,051 kes.

Pihak PDRM telah melaksanakan beberapa strategi untuk mencegah jenayah di antaranya adalah seperti berikut:-

- 1) Mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep *Police Omnipresence* dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;
- 2) Mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit-CIU*) dengan mengguna pakai konsep *Intelligence Lead Policing* iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif; dan

SOALAN NO: 231

- 3) Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan di bawah POCA adalah berkaitan kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat umum.

Usaha untuk memerangani jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.